

Ciptaan KUTKM layak ke akhir

Archival News | Berita Harian | 19/07/2003

KOLEJ Universiti Kebangsaan Malaysia (KUTKM) muncul sebagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tunggal yang berjaya ke peringkat akhir pertandingan MSC-APICTA 2003, bagi kategori penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, sebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dan empat syarikat berstatus MSC, turut melayakkan diri ke peringkat akhir untuk kategori yang sama yang diadakan di Cyberjaya, baru-baru ini.

Rektor KUTKM, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, berkata dalam kategori R&D itu, universiti diwakili Prof Madya Goh Ong Sing, selaku ketua penyelidik yang menghasilkan robot maya Artificial Intelligent Neural-Network atau AINI.

Beliau berkata, AINI dilengkapi secara bersepadu dengan perwatakan tiga dimensi (3D), teknologi pertuturan serta kecerdasan buatan (artificial intelligent).

"AINI juga boleh bertindak sebagai penasihat perubatan dan berpotensi dijadikan penasihat e-pembelajaran, e-kerajaan dan e-perbankan," katanya.

Lebih membanggakan ialah aplikasi AINI boleh digunakan oleh mana-mana firma yang terbabit dalam pembinaan laman web secara berkesan.

(END) Source : Berita Harian

